

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	2 JULY 2016



[FOTO MUHD ASYRAF SAWAL/BH]

Info

**Program  
Pencahaya  
Masjid Jamek  
Kampung Baru**

→ **Selain lampu** yang menghiasi ruang bahagian luar masjid, menara jam turut dihiasi lampu yang akan berkelip-kelip setiap kali azan dilaungkan bagi menandakan masuk waktu solat

→ **Komponen pencahaya**an mempunyai tujuh warna dan projek berkenaan disiapkan dalam masa dua bulan

**Najib bersama bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi; Tengku Adnan (dua dari kanan) dan Johari (kiri) di Masjid Jamek Kampung Baru, malam tadi.**

# Masjid Jamek Kampung Baru semakin indah, ceria

BH - 2/7/2016

→ PM lancar program pencahaya bernilai RM1.5j

**Oleh Rohaniza Idris**  
roha@bh.com.my

▀ Kuala Lumpur

**P**erdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak merasakan Program Pencahaya Masjid Jamek Kampung Baru di sini, malam tadi. Dengan pelancaran pencahaya itu, suasana di dalam masjid berkenaan menjadi lebih indah dan ceria. Selain lampu yang menghiasi

ruang bahagian luar masjid, menara jam turut dihiasi lampu yang akan berkelip-kelip setiap kali azan dilaungkan bagi menandakan masuk waktu solat.

Projek pencahaya bernilai kira-kira RM1.5 juta itu dilaksanakan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Komponen pencahaya mempunyai tujuh warna dan projek berkenaan disiapkan da-

lam masa dua bulan.

Selepas itu, Perdana Menteri bersolat Isyak dan solat sunat Tarawih bersama jemaah masjid berkenaan.

Yang turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan Pengerusi Masjid Jamek Kampung Baru, Datuk Idris Shaari Mat Aris.